



ATAS: Mohd. Hasnun ditenangkan oleh ibunya di Hospital Kuala Kubu Bharu semalam.

KIRI: Kemalangan di Kilometer 405.8 berhampiran susur masuk Lembah Beringin semalam melibatkan 16 buah kenderaan.

Ibu muda, anak perempuan terbunuh dalam nahas melibatkan 16 buah kenderaan

Dua beranak maut dirempuh treler

KUSMO

KUALA KUBU BHARU – “Saya dengar anak menangis kira-kira tiga saat sebelum tangisannya terhenti. Saya sempat memegang nadi leher isteri yang tersepit, namun saya hanya mampu bertawakal kerana tahu isteri sudah pergi.”

Demikian cerita Mohd. Hasnun Ramli, 29, dalam nada sebak mengimbau detik memilukan tragedi ngeri kemalangan melibatkan 16 buah kenderaan yang turut mengorbankan isteri dan anaknya di Kilometer 405.8 Lebu Raya Utara-Selatan arah Kuala Lumpur berhampiran susur masuk Lembah Beringin di sini semalam.

Isteri mangsa, Nurul Syazeila Iryani Suhaimi, 29, dan anak comel mereka, Hanna Humaira, setahun lima bulan disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian.

Nahas ngeri itu melibatkan empat buah treler, dua buah van, sebuah teksi dan sembilan buah kereta.

Menurut Mohd. Hasnun, dia dalam perjalanan ke Kuala Lumpur dari Butterworth, Pulau Pinang bersama isteri dan anak perempuannya untuk menziarahi keluarga bapa saudara yang meninggal dunia.

Bagaimanapun, kereta jenis Suzuki Swift berwarna putih yang dipandu dari belakang oleh sebuah

treler kelapa sawit sebelum keretanya berpusing dan masuk ke lorong tengah.

Ceritanya, kereta Suzuki Swift itu kemudian dihentam pula sebuah treler lain sehingga menyebabkan mereka tersepit di tengah-tengah di antara dua treler.

Kata Mohd. Hasnun lagi, ketika kejadian, keadaan lebu raya agak sesak akibat kemalangan sebuah lori menyebabkan semua kenderaan bergerak perlahan.


“Kira-kira 10 minit kemudian sebuah treler merempuh kereta saya dari arah belakang di lorong kanan sebelum dihentam pula sebuah lagi treler lain di lorong tengah.

“Saya dengar tangisan Hanna Humaira di belakang, isteri di sebelah juga berlumuran darah kerana tersepit dan cedera teruk pada kepala serta dada.

“Namun, saya tidak boleh berbuat apa-apa kerana saya turut tersepit di dalam kereta,” katanya yang bekerja sebagai eksekutif sumber manusia ketika ditemui di Unit Forensik di Hospital Kuala Kubu Bharu di sini semalam.

Tambah Mohd. Hasnun, jenazah isteri dan anaknya dibawa pulang ke Permatang Tok Jaya, Sungai Dua, Butterworth untuk dikebumikan semalam.

Dalam kejadian yang berlaku ketika umat Islam di negara ini hanya tinggal 12 hari sahaja lagi un-



ANTARA foto kenangan terakhir Nurul Syazeila dan anaknya, Hanna Humaira.

tuk menyambut Aidilfitri turut menyebabkan sepasang suami isteri berusia 40-an cedera.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan R. Supramaniam berkata, dalam kejadian kira-kira pukul 9.15 pagi itu, sebuah treler yang dipandu di lorong kanan jalan telah terbabas dan menghentam belakang kereta Mohd. Hasnun.

“Setelah dirempuh oleh treler, kereta dinaiki mangsa terbabas ke lorong tengah sebelum dilanggar sebuah lagi treler menyebabkan kenderaan yang dinaiki mereka tersepit di tengah-tengah.

“Akibat pelanggaran itu, banyak kenderaan lain yang tidak sempat mengelak menyebabkan berlaku pelanggaran lebih besar,” katanya di



MAYAT dua mangsa ditutup dengan kain selepas tersepit di dalam kereta Suzuki Swift dalam nahas ngeri di Kilometer 405.8 Lebu Raya Utara-Selatan susur masuk Lembah Beringin semalam.

sini semalam.

Supramaniam berkata, pemandu treler terba-

bit telah ditahan untuk saringan air kencing dan membantu siasatan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

INFO

Kemalangan maut melibatkan 16 buah kenderaan

